

ISTIADAT MEMINDAHKAN MAYAT KAMAL ATATÜRK

Gambar kanan: Keranda yang berisi dengan mayat al-Marhum Mustafa Kamal Ataturk bapa republik Turki sedang dibawa daripada tempat permakaman yang lama kepada makam besar yang telah didirikan kerananya di bandar Ankara pada 10 November yang lalu. Iaitu pada hari kematian yang kelima belas. Gambar menunjukkan jenazahnya sedang ditarik oleh pegawai-pegawai dan anggota-anggota angkatan perang Turki.

Gambar Bawah: Lebih 400,000 orang rakyat Turki telah turut menghormati upacara meletakkan mayat Mustafa Kamal Ataturk. Di tempat makam besar yang dibuat khas kerananya dengan belanja 12 juta.

Di antara yang hadir di dalam upacara itu adalah termasuk wakil-wakil kerajaan asing dan dua orang Presiden Turki selepasnya iaitu bekas Presiden 'Ismet Inonü dan Presiden Jalal Bayar.

